

15 SEP 2000

SIEMENS-CKI/I

SIEMENS DALAM PROGRAM PEMINDAHAN PENGETAHUAN DENGAN MMU

KUALA LUMPUR, Sept 15 (Bernama) -- Siemens AG dari Jerman sedang mempersiapkan program baru pemindahan pengetahuan dengan Universiti Multimedia (MMU) dan Technical University of Berlin digelar Pusat Pertukaran Pengetahuan (CKI), kata presiden rangkaian maklumat dan komunikasi Siemens, Dr Roland Koch.

CKI menawarkan landasan berinstitusi bagi memasuki perkongsian rapat dalam mendidik para pelajar, pemindahan teknologi dan kepakaran ke arah kemajuan bersama dan inovasi bersama, membina rangkaian, mengambil siswazah-siswazah dan memperkukuhkan profil universiti itu.

Koch berkata di salam satu kenyataan daripada Siemens di sini hari ini bahawa perkara itu telah dibincangkan semasa perjumpaan satu sama satu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di acara sampingan mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia yang baru selesai.

Katanya pusat itu akan menggunakan kaedah-kaedah pengajaran yang betul untuk menyampaikan kepakaran, kemahiran dan motivasi bagi para pelajar yang akan mempermudah kerja mereka dalam proses inovasi di dalam kerjaya mereka kelak.

CKI di Kuala Lumpur itu akan berangkaian dengan CKI di Berlin, Jerman dan CKI di Technical University di Munich, yang dijadual dibuka bulan ini.

Siemens juga merancang untuk membuka CKI keempat di Amerika Syarikat dan sedang dalam proses perundingan dengan Stanford University di Palo Alto dan Massachusetts Institute of Technology di Boston.

Siemens, tambahnya, juga tidak sabar-sabar untuk meluaskan kerja samanya dengan MMU dan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan lain.

Mengenai perkembangan industri maklumat dan komunikasi Malaysia, katanya kemajuan Koridor Raya Multimedia (MSC) akan menyokong pembangunan seterusnya perniagaan Siemens di dalam bidang-bidang itu.

"Siemens akan mengembangkan bilangan kakitangannya dengan segmen-segmen e- dan m-perniagaan. Lebih spesifik ialah di dalam teknologi-teknologi Pusat Kecekapan Bagi Internet dan Jalur lebar yang telahpun tertubuh, Pusat Latihan Serantau, Makmal masa depan di Menara Berkembar dan unit e-Perniagaan," tambahnya.

Katanya Siemens akan menggandakan aktiviti-aktivitinya dalam bidang-bidang ini dan menerokai seterusnya aktiviti-aktiviti modal teroka dengan syarikat modal terokanya yang berpangkalan di Lembah Silicon, Mustang Ventures Inc.

Sementara itu, kenyataan itu berkata presiden Siemens dan ketua pegawai eksekutif Dr Heinrich v. Pierer akan mempengerusikan "Persidangan Asia-Pasifik Industri Jerman" di sini pada 17-19 Sept, 2000.

Lebih daripada 800 anggota perniagaan dari Jerman akan melawat Malaysia semasa persidangan itu untuk mendapatkan gambaran lebih dekat mengenai kedudukan Malaysia di rantau Asia Pasifik.

-- BERNAMA

SHO SD OS MA